PENINSULA COLLEGE GEORGETOWN DK266-03(P)

PEPERIKSAAN AKHIR

Semester	:	**SEMESTER MEI 2026**
Nama Program	:	**BACHELOR OF SCIENCE (HONOURS) BUSINESS MANAGEMENT 3+0 IN COLLABORATION WITH UNIVERSITY OF PLYMOUTH, UK** **BACHELOR OF SCIENCE (HONOURS) IN MARITIME BUSINESS (LOGISTICS) 3+0 IN COLLABORATION WITH UNIVERSITY OF PLYMOUTH, UK** **BSC (HONS) COMPUTER SCIENCE (CYBER SECURITY) 3+0 IN COLLABORATION WITH UNIVERSITY OF PLYMOUTH, UK** **BSC (HONS) COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE ENGINEERING) 3+0 IN COLLABORATION WITH UNIVERSITY OF PLYMOUTH, UK**
Kod & Nama Kursus	:	**MPU3183 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**
Masa	:	**3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian.
3. Sila jawab kesemua soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, file atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** mengambil sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Kertas jawapan *ini mengandungi 12 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)*

DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Bahagian A: Soalan Objektif **[50 markah]**

Jawab **SEMUA** soalan objektif pada **KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF** yang disediakan. Pilih **satu jawapan yang paling tepat** bagi setiap soalan.

1. Apakah komponen imaginasi sosiologikal yang digunakan apabila seseorang menghubungkan isu pengangguran siswazah tempatan dengan perubahan ekonomi global? (1 markah)

   A. Sejarah
   B. Biografi
   C. Struktur sosial
   D. Nilai kebudayaan

2. Apakah perbezaan konseptual **UTAMA** antara istilah “Adab” dan “Etiket” dalam konteks sosiologi budaya Melayu? (1 markah)

   A. Adab bersifat sejagat manakala etiket bersifat lokal
   B. Adab merujuk kepada hubungan manusia dengan pencipta, manakala etiket merujuk kepada hubungan perdagangan antarabangsa
   C. Adab dikuatkuasakan oleh undang-undang bertulis negara, menakala etiket hanya dipelihara melalui tradisi lisan turun-temurun
   D. Adab lahir daripada kesedaran dalaman dan moral, manakal etiket hanyalah peraturan formal tingkah laku luaran dalam majlis sosial

3. Manakah antara berikut menggambarkan ciri **UTAMA** etika pada zaman prakolonial di Tanah Melayu? (1 markah)

   A. Berteraskan undang-undang sekular
   B. Ditentukan sepenuhnya oleh penasihat British
   C. Terikat kuat kepada hukum adat dan ajaran agama
   D. Dipengaruhi oleh nilai materalisme dan kapitalisme Barat

4. Imperialisme Barat membawa konsep “Etika Moden” ke Alam Melayu. Apakah institusi **UTAMA** yang menjadi saluran pemisahan antara agama dan urusan pentadbiran? (1 markah)

   A. Sistem Residen
   B. Mahkamah Syariah
   C. Institusi Kesultanan
   D. Syarikat Hindia Timur Inggeris

5. Apakah sebab fasa pascakolonial di Malaysia dianggap sebagai fasa “etika bersepadu”? (1 markah)

   A. Undang-undang barat dihapuskan sepenuhnya
   B. Seluruh rakyat Malaysia telah mencapai perpaduan mutlak tanpa konflik
   C. Berlaku adunan antara etika tradisional, agama dan nilai kemodenan barat dalam pentadbiran serta kehidupan harian
   D. Kerajaan menguatkuasakan satu sistem nilai etnik yang wajib dipatuhi oleh semua komuniti.

6. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep “Dharma” dalam peradaban India? (1 markah)

   A. Kekayaan material
   B. Sistem kasta sosial
   C. Kepuasan estetika dan seni
   D. Tugas moral dan tanggungjawab kebenaran

7. Dalam falsafah tradisi Cina, konsep “Ren” (Kemanusiaan) dan “Li” (Kesusilaan) berfungsi sebagai _____. (1 markah)

   A. strategi ketenteraan dinasti
   B. asas utama untuk mengekalkan keharmonian hubungan sosial
   C. kaedah pengumpulan cukai sara hidup bagi rakyat tempatan
   D. panduan komprehensif bagi menjalankan aktiviti perdagangan luar negara secara meluas

8. Apakah sumbangan terbesar Zaman Pencerahan (*Enlightenment*) di Barat terhadap evolusi etika moden dunia? (1 markah)

   A. Menekankan penggunaan akal rasional dan pengiktirafan hak asasi manusia
   B. Mengukuhkan sistem teokrasi gereja secara mutlak dan menyeluruh
   C. Memperkenalkan sistem kasta berdasarkan keturunan dan status sosial
   D. Menolak perkembangan sains moden demi mempertahankan mitologi dan kepercayaan kuno

9. Apakah proses penyatupaduan yang berlaku apabila unsur-unsur budaya luar diterima dan diserap tanpa menghilangkan identiti budaya asal? (1 markah)

   A. Asimilasi
   B. Akulturasi
   C. Segregasi
   D. Amalgamasi

10. Kewujudan masyarakat “Baba dan Nyonya” serta “Chitty” di Melaka merupakan contoh klasik bagi proses interaksi sosial peringkat _____. (1 markah)

    A. asimilasi
    B. akulturasi
    C. akomodasi
    D. amalgamasi

11. Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 diiktiraf sebagai sebuah peradaban yang bersifat kosmopolitan? (1 markah)

    A. Mempunyai sistem pertahanan yang canggih
    B. Mengamalkan undang-undang sekular yang ketat
    C. Menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang mengintegrasikan pelbagai budaya dan bangsa secara harmoni
    D. Mewajibkan semua pedagang asing meninggalkan budaya asal dan menerima budaya Melayu sepenuhnya

12. Apakah takrifan paling **TEPAT** bagi istilah “Kesepaduan Sosial”’ dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia? (1 markah)

    A. Keadaan dimana semua perbezaan etnik telah dihapuskan secara mutlak
    B. Suatu proses asimilasi paksaan yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah
    C. Suatu keadaan aman yang dinamik di mana rakyat menguruskan perbezaan harian mereka melalui rundingan tanpa mencetuskan konflik fizikal
    D. Persetujuan undang-undang di mana setiap etnik diasingkan mengikut sektor ekonomi masing-masing demi keharmonian

13. Apakah perbezaan paling **ASAS** antara konsep “Perpaduan” dan “Kesepaduan”? (1 markah)

    A. Perpaduan bersifat politikal manakala kesepaduan bersifat ekonomi
    B. Perpaduan merupakan matlamat akhir yang diidamkan, manakala kesepaduan ialah keadaan realtii semasa yang stabil terhasil daripada pengurusan kepelbagaian
    C. Perpaduan ialah realiti yang sedia ada, manakala kesepaduan ialah satu impian yang mustahil dicapai
    D. Perpaduan bersifat paksaan manakala kesepaduan bersifat sukarela berasaskan kontrak sosial

14. Apakah tujuan **UTAMA** proses “penyatupaduan”? (1 markah)

    A. Menyelesaikan defisit sosial melalui usaha berterusan masyarakat
    B. Menjadikan semua rakyat menggunakan bahasa yang sama sahaja
    C. Menghapuskan semua etnik di Malaysia
    D. Menambah bilangan parti politik

15. Mengapakah Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dibangunkan? (1 markah)

    A. Mengukur kadar pertumbuhan ekonomi negara
    B. Memantau tahap perpaduan dan kesepaduan nasional
    C. Menentukan jumlah penduduk Malaysia
    D. Menilai pencapaian sekolah rendah dan menengah

16. Yang manakah merupakan komponen **UTAMA** Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang digunakan untuk mengukur tahap kesepaduan masyarakat di Malaysia? (1 markah)

    A. Jumlah pendaftaran persatuan yang melibatkan pelbagai kaum
    B. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita mengikut kumpulan etnik
    C. Tahap celik digital dan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat
    D. Dimensi hubungan antara etnik, tahap toleransi dan penerimaan terhadap kepelbagaian

17. Antara berikut, yang manakah merupakan contoh “detik perpaduan”? (1 markah)

    A. Berbual dan bertukar-tukar pandangan dengan rakan sekerja di pejabat
    B Masyarakat pelbagai kaum menyokong pasukan negara dalam pertandingan sukan
    C. Pertelingkahan dan konflik yang berlaku antara komuniti akibat perbezaan kepentingan, nilai serta latar belakang sosial
    D. Seorang guru yang bertanggungjawab untuk mengajar, membimbing dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid di dalam bilik darjah

18. Mengapakah majlis perkahwinan dianggap sebagai detik perpaduan? (1 markah)

    A. Menjadi ruang pertemuan dan interaksi antara masyarakat daripada pelbagai latar belakang
    B. Menggalakkan persaingan antara kaum dalam sesebuah komuniti
    C. Hanya melibatkan ahli keluarga daripada kelompok tertentu
    D. Mengehadkan interaksi sosial antara anggota masyarakat

19. Apakah takrifan yang paling **TEPAT** bagi "Defisit Sosial"? (1 markah)

    A. Kurangnya dana kewangan dalam tabung kebajikan masyarakat
    B. Jurang perbezaan dalam masyarakat yang berpotensi mencetuskan ketegangan sosial sekiranya tidak ditangani dengan adil
    C. Kelemahan individu dalam menguasai bahasa kebangsaan dan nilai-nilai moral
    D. Kejatuhan nilai mata wang negara yang menjejaskan kuasa beli golongan marhaen

20. Semua situasi berikut merupakan kategori defisit sosial yang utama di Malaysia **KECUALI**, _____. (1 markah)

    A. jurang kelas ekonomi
    B. perbezaan fahaman politik
    C. polarisasi penempatan geografi
    D. tahap kelajuan akses internet domestik

21. Mengapakah penemuan "*Perak Man*" di Lembah Lenggong menjadi bukti penting dalam kajian sejarah peradaban di Malaysia? (1 markah)

    A. Penemuan tersebut membuktikan kewujudan sistem tulisan purba
    B. Penemuan tersebut menandakan bermulanya pengaruh peradaban Barat terhadap struktur pentadbiran masyarakat peribumi
    C. Penemuan tersebut membuktikan bahawa Semenanjung Tanah Melayu telah mempunyai petempatan manusia yang sistematik sejak zaman prasejarah, khususnya Zaman Paleolitik
    D. Penemuan tersebut menunjukkan bermulanya kegiatan perdagangan yang lebih tersusun serta perkembangan sistem ekonomi kapitalis moden dalam kalangan masyarakat pada zaman tersebut

22. Apakah perbezaan sosiologi yang paling mendasar antara konsep 'Negara' (*State*) dan 'Bangsa' (*Nation*)? (1 markah)

    A. Negara merujuk kepada sistem budaya, manakala bangsa merujuk kepada sistem ekonomi
    B. Negara mempunyai kuasa ketenteraan yang mutlak, manakala bangsa hanya wujud dalam karya sastera
    C. Negara ditubuhkan melalui piagam antarabangsa, manakala bangsa hanya wujud selepas mendapat pengiktirafan pertubuhan dunia
    D. Negara ialah entiti politik yang mempunyai wilayah, sempadan dan kedaulatan, manakala bangsa ialah kelompok manusia yang berkongsi identiti, budaya dan sejarah

23. Apakah faktor **UTAMA** yang menyebabkan pembentukan “Negara-Bangsa” di Malaysia tidak menggunakan model asimilasi mutlak seperti di sesetengah negara barat? (1 markah)

A. Sekatan oleh undang-undang antarabangsa
B. Ketiadaan sistem pendidikan yang seragam pada awal kemerdekaan
C. Keengganan pihak British untuk memberikan kemerdekaan penuh kepada Tanah Melayu
D. Keputusan para pengasas negara untuk membina negara bangsa berasaskan integrasi dan kontrak sosial yang menghormati kepelbagaian etnik

24. Apakah peristiwa yang menyebabkan penggubalan Rukun Negara pada tahun 1970? (1 markah)

A. Perang Dunia Kedua yang memerlukan pembinaan semula ekonomi negara
B. Konfrontasi Indonesia yang menuntut pengukuhan sistem pertahanan negara
C. Tragedi 13 Mei 1969 yang mendorong usaha memperkukuh perpaduan nasional
D. Pengisytiharan Hari Malaysia pada tahun 1963 yang menyatukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia

25. Perlembagaan Persekutuan dianggap sebagai “Tapak Integrasi Makro” yang tertinggi di Malaysia kerana _____. (1 markah)

A. perlembagaan tersebut digubal sepenuhnya oleh wakil rakyat tempatan
B. perlembagaan tersebut mengandungi peruntukan undang-undang jenayah, sivil dan syariah yang paling ketat serta menyeluruh berbanding dengan negara-negara lain di rantau asia
C. perlembagaan tersebut merupakan undang-undang tertinggi negara yang mengimbangi hak asasi, kepentingan pelbagai kaum dan kestabilan melalui kerangka kontrak sosial
D. perlembagaan tersebut mewajibkan semua persatuan sivik, pertubuhan bukan kerajaan dan badan komuniti tempatan beroperasi di bawah pengawasan serta kawalan sepenuhnya jabatan perpaduan negara

26. Antara berikut, yang manakah merupakan gabungan “unsur tradisi” seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia? (1 markah)

A. Hak mengundi, hak memiliki harta, kebebasan bersuara, dan sistem kehakiman.
B. Pilihan raya bebas, sistem parlimen dwidewan, kabinet menteri, dan autonomi negeri.
C. Institusi Pemerintahan Beraja, Agama Islam, Bahasa Melayu, dan Kedudukan Istimewa Orang Melayu/Bumiputera.
D. Hak kewarganegaraan, dasar ekonomi terbuka, kebebasan beragama, dan pengasingan kuasa tadbir urus.

27. Mengapakah Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi kaum, sekiranya dianalisis dari perspektif sejarah Kontrak Sosial? (1 markah)

A. Peruntukan tersebut diterima kerana telah disahkan sepenuhnya melalui sistem perundangan yang diperkenalkan oleh pihak penjajah British
B. Kerana ia merupakan sebahagian daripada perjanjian imbal balik (*quid pro quo*) di mana kaum bukan Melayu diberikan hak kewarganegaraan yang longga
C. Peruntukan tersebut memberikan kuasa mutlak kepada Raja-Raja Melayu untuk mengambil harta benda masyarakat imigran bagi melindungi kepentingan ekonomi penduduk peribumi
D. Peruntukan tersebut membolehkan semua kumpulan kaum menuntut keistimewaan dan kuota yang sama sepenuhnya dalam sektor pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan awam

28. Apabila agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melancarkan dasar baharu, tindakan ini dikategorikan sebagai tapak integrasi peringkat _____. (1 markah)

A. mikro
B. meso
C. makro
D. institusi

29. Apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan korporat berperanan dalam menganjurkan program dialog antara budaya maka, konsep ini dapat dikaitkan dengan peranan di peringkat _____. (1 markah)

A. mikro
B. meso
C. makro
D. institusi

30. Inisiatif “Rukun Tetangga” di peringkat taman perumahan yang digerakkan oleh komuniti setempat secara sukarela merupakan manifestasi tapak integrasi peringkat _____. (1 markah)

A. mikro
B. meso
C. makro
D. institusi

31. Apakah prinsip etika digital yang diamalkan oleh seseorang warga digital apabila menyemak kesahihan maklumat melalui portal “Sebenarnya.my” sebelum berkongsi maklumat tersebut? (1 markah)

A. Mengutamakan kepantasan penyebaran maklumat
B. Mengamalkan kebebasan berekspresi tanpa batasan
C. Melaksanakan verifikasi maklumat dan tanggungjawab sosial
D. Mengoptimumkan algoritma media sosial untuk tujuan komersial

32. Istilah “e-Adab” dalam konteks penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merujuk kepada _____. (1 markah)

A. sistem keselamatan siber yang menggunakan kecerdasan buatan
B. penerapan nilai-nilai akhlak, kesopanan dan penghormatan dalam interaksi di ruang siber
C. garis panduan teknikal bagi membina serta menyelenggara portal maklumat dan lama web korporat kerajaan
D. pembayaran yuran pengajian secara digital yang dilaksanakan sepenuhnya melalui aplikasi perbankan internet

33. Bagaimanakah penyalahgunaan ICT melalui ucapan kebencian (*hate speech*) boleh menjadi pemangkin kepada keretakan hubungan etnik di Malaysia? (1 markah)

A. Menyebabkan pengguna lebih berhati-hati dalam menilai maklumat yang berkaitan dengan isu sosial dan budaya
B. Mewujudkan perdebatan awam yang lebih terbuka sehingga masyarakat semakin peka terhadap perbezaan pandangan
C. Menggalakkan pembentukan kelompok sokongan dalam talian yang hanya berinteraksi dengan pandangan yang sama
D. Mengeksploitasi sentimen berkaitan kaum, agama dan institusi diraja (*3R*) sehingga menimbulkan prasangka, ketegangan dan permusuhan antara komuniti

34. Apakah kesan penggunaan Bahasa Kebangsaan terhadap kesepaduan sosial? (1 markah)

A. Mengurangkan peluang komunikasi
B. Menjadi medium penyatuan masyarakat pelbagai kaum
C. Menyebabkan persaingan antara etnik
D. Menghapuskan bahasa ibunda semua kaum

35. Apakah konsep yang dicerminkan melalui amalan “rumah terbuka” semasa musim perayaan dalam kehidupan masyarakat Malaysia? (1 markah)

A. Segregasi budaya antara kumpulan etnik
B. Asimilasi budaya yang dilaksanakan secara paksaan
C. Toleransi pasif semata-mata untuk mengelakkan tindakan undang-undang
D. Tanggungjawab sosial dan kesedaran inklusif antara etnik dalam suasana santai

36. Apakah hubungan antara “perpaduan”, “kesepaduan” dan “penyatupaduan”? (1 markah)

A. Ketiga-tiganya saling melengkapi dalam proses pembinaan negara bangsa
B. Hanya perpaduan yang penting dalam negara
C. Ketiga-tiganya merujuk kepada perkara yang berbeza sepenuhnya
D. Kesepaduan dan penyatupaduan tidak berkaitan

37. Pilih pernyataan yang **PALING TEPAT** tentang kesan amalan rasuah dalam institusi terhadap kelestarian negara bangsa pada masa hadapan. (1 markah)

    A. Meruntuhkan kepercayaan terhadap tadbir urus negara
    B. Membazirkan masa bekerja para pekerja sektor awam di pejabat
    C. Menurunkan jumlah tontonan media arus perdana serta program televisyen tempatan
    D. Menyebabkan bangunan agensi kerajaan kelihatan kurang ceria dan tidak mesra kepada pelawat luar

38. Apakah cabaran **UTAMA** yang dihadapi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam menguatkuasakan etika kandungan siber pada era Web 3.0? (1 markah)

    A. Kekurangan perkakasan komputer di pejabat zon
    B. Kepantasan penyebaran maklumat palsu melalui akaun layang (*anonymous*) dan enkripsi data hujung-ke-hujung (*end-to-end encryption*)
    C. Jumlah penjawat awam yang tidak mahir menggunakan aplikasi telefon pintar
    D. Keengganan masyarakat untuk melanggan pelan internet pascabayar

39. Mengapakah “tawar-menawar”, “perundingan” dan “mediasi” penting dalam proses penyatupaduan? (1 markah)

    A. Menghapuskan identiti etnik
    B. Menambahkan konflik masyarakat
    C. Menyelesaikan perbezaan secara aman dan harmoni
    D. Mengurangkan penyertaan rakyat

40. Manakah antara berikut merupakan matlamat **UTAMA** penubuhan “Pelan Integriti Nasional” (PIN) di Malaysia? (1 markah)

    A. Meningkatkan kuasa ketenteraan di perairan Selat Melaka
    B. Memastikan semua syarikat asing membayar cukai dalam mata wang asing
    C. Mengurangkan kadar inflasi barangan keperluan harian melalui kawalan harga subsidi
    D. Membudayakan nilai integriti, membanteras rasuah, dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian tadbir urus

41. Konsep “etos nasional” merujuk kepada ciri unik yang menyatukan rakyat Malaysia. Apakah tonggak **UTAMA** yang membentuk etos nasional tersebut? (1 markah)

    A. Persamaan taraf ekonomi mutlak
    B. Penguasaan teknologi siber bertaraf dunia
    C. Perkongsian nilai sejarah, kesetiaan kepada negara, dan pematuhan kepada prinsip Rukun Negara
    D. Penerimaan satu bentuk amalan kebudayaan etnik majoriti dengan mengetepikan kebudayaan etnik minoriti

42. Apakah risiko **UTAMA** terhadap pengekalan peradaban sekiranya sejarah perjuangan kemerdekaan tidak diajar atau dihayati oleh generasi muda pada masa kini? (1 markah)

A. Kehilangan kemahiran teknikal industri
B. Kejatuhan nilai pasaran saham domestik
C. Kepupusan dialek-dialek tempatan yang bersifat geografi
D. Kehilangan jati diri nasional, pengabaian kontrak sosial, dan kecenderungan mengagungkan budaya luar yang tidak bersesuaian

43. Peradaban merujuk kepada _____. (1 markah)

A. sistem ketenteraan sesebuah negara
B. kepercayaan semata-mata
C. aktiviti ekonomi masyarakat
D tahap perkembangan sosial dan kebudayaan sesuatu bangsa

44. Isu tuntutan pemilikan warisan budaya (seperti tarian atau makanan) antara dua negara jiran yang serantau dikategorikan sebagai konflik peradaban di peringkat _____. (1 markah)

A. intraperadaban
B. interperadaban
C. globalisasi mutlak
D. imperialisme budaya

45. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri “masyarakat”? (1 markah)

A. Mempunyai interaksi sosial, struktur kepimpinan dan aturan hidup bersama
B. Kekal tanpa mengalami perubahan dalam nilai, peranan dan pola kehidupan
C. Terbentuk hanya apabila semua anggotanya mempunyai latar belakang budaya yang sama
D. Mempunyai anggota yang tinggal berdekatan tetapi tidak berkongsi sebarang hubungan sosial

46. Apakah yang dimaksudkan dengan “asimilasi”? (1 markah)

A. Pengasingan etnik mengikut kawasan
B. Integrasi yang menghasilkan perkongsian budaya, bahasa dan agama
C. Penerimaan tanpa interaksi sosial
D. Penolakan budaya majoriti

47. Apakah takrifan yang paling **TEPAT** bagi “Kelestarian Peradaban” (*Civilizational Sustainability*)? (1 markah)

A. Keupayaan sesebuah negara membina bangunan pencakar langit tertinggi secara berterusan
B. Kemampuan mengekalkan nilai moral, sistem budaya, integriti tadbir urus, dan keharmonian sosial merentas generasi demi kelangsungan identiti bangsa
C. Proses menukar sistem pemerintahan beraja kepada sistem republik bagi mengikut aliran semasa politik global
D. Keupayaan mengimport barangan mewah dari luar negara tanpa menjejaskan imbangan perdagangan domestik

48. Apakah instrumen yang digunakan oleh kerajaan untuk mengukur tahap perpaduan nasional di Malaysia? (1 markah)

    A. KPI
    B. DEB
    C. IPNas
    D. MyIndeks

49. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan? (1 markah)

    A. Agama Islam sebagai agama persekutuan
    B. Sistem ekonomi bebas berasaskan pasaran kapitalis
    C. Bahasa Melayu diiktiraf sepenuhnya sebagai bahasa kebangsaan
    D. Kedudukan istimewa orang Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak

50. Antara tindakan berikut, yang manakah **TIDAK** mencerminkan amalan etika dalam komunikasi digital? (1 markah)

    A. Menggunakan akaun samaran bagi mendedahkan aib individu lain
    B. Menyemak dan mengesahkan kesahihan sesuatu sumber maklumat yang diterima
    C. Melaporkan sebarang bentuk akaun provokasi kaum kepada pihak berkuasa siber
    D. Meninggalkan ulasan kritikal yang berasaskan hujah akademik di platform media sosial

Bahagian B: Soalan Subjektif **[50 markah]**

Jawab **SEMUA** soalan di bawah dalam **BUKU JAWAPAN** yang disediakan.

1. a) Nyatakan definisi "kontrak sosial" dalam konteks sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (2 markah)

   b) Jelaskan **EMPAT (4)** kepentingan kontrak sosial sebagai persetujuan timbal balik (*quid pro quo*) antara kaum sebelum kemerdekaan. (8 markah)

   c) Bincangkan **TIGA (3)** kesan negatif sekiranya "unsur-unsur tradisi" dalam Perlembagaan Persekutuan terus dipertikaikan secara terbuka tanpa mematuhi garis panduan etika. (15 markah)

   Total: [25 markah]

2. a) Jelaskan **LIMA (5)** amalan etika utama yang perlu dipatuhi oleh pengguna media sosial bagi membendung penyebaran sentimen negatif berkaitan isu "3R" (kaum, agama dan institusi diraja) yang boleh menggugat kesepaduan sosial di Malaysia. (10 markah)

   b) Terangkan **TIGA (3**) strategi komprehensif yang melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa, institusi pendidikan dan penyedia platform media sosial (seperti *TikTok*, *Meta*, dan *X*) untuk memperkukuh serta mengekalkan etika siber dalam kalangan generasi muda. (15 markah)

   Total: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -